



Headline: Kerani rugi RM68,700 ditipu 'pegawai LHDN'

Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian

Section: Nasional

Date: 3 February 2021

Page: 26

## Kerani rugi RM68,700 ditipu 'pegawai LHDN'

**MELAKA** - Seorang kerani kerugian RM68,700 akibat ditipu sindiket *Macau.Scam* yang menyamar sebagai 'pegawai operasi cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri' (LHDN) dari Cyberjaya.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Melaka, Superintendan E Sundra Rajan berkata, wanita berumur 40 tahun yang menetap di Kru-bong di sini itu, menerima panggilan telefon daripada individu yang memperkenalkan dirinya sebagai Noraina Azlan pada Isnin.

Menurutnya, suspek mendakwa mangsa mempunyai tunggakan bayaran cukai syarikat di Kuantan, Pahang sebanyak RM38,690.

"Mangsa dipercayai menafikan dakwaan, bagaimanapun talian disambungkan kepada individu yang kononnya 'Sarjan Roslan' dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang bagi membuat aduan. Individu terbabit meminta butiran kad pengenalan mangsa untuk semakan.

"Selepas itu, mangsa dimaklumkan terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah dan pengubahan wang haram sebelum taliannya disambungkan kepada individu yang memperkenalkan diri sebagai 'Asisten Komisioner Datuk Wazir,'" katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Katanya, individu itu pula meminta mangsa memuat turun aplikasi 'MYBNM' melalui Google untuk mengisi butiran akaun bank bagi tujuan siasatan dan pada masa sama lelaki itu memberi mesej WhatsApp dengan mengarahkan wanita itu menyerahkan Kod Kebenaran Transaksi (TAC) diterimanya.

Menurutnya, mangsa tanpa curiga menyerahkan nombor TAC kepada suspek, namun wanita itu mula sedar dirinya ditipu setelah menerima pesanan ringkas pihak bank menyatakan terdapat pindahan wang daripada akaun miliknya.

"Mangsa menghubungi tiga institusi perbankan dan diberitahu pindahan wang tidak berjaya dilakukan tetapi terdapat pindahan wang dari akaun HSBC Bank Malaysia Bhd milik mangsa melibatkan sembilan transaksi RM68,700 ke akaun pihak ketiga," katanya.

Menurutnya, mangsa membuat laporan polis di Balai Polis Tengkeri di sini pada Isnin dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan atas kesalahan menipu. - *Bernama*